

**PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA CINA:
SATU PERBANDINGAN SINTAKSIS**

oleh

TANG LAI CHAN

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi Ijazah
Doktor Falsafah**

Jun 2006

PENGHARGAAN

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang utama saya rakamkan kepada Profesor Mashudi Kader, selaku penyelia utama saya. Dengan pengetahuan beliau yang mendalam tentang disiplin linguistik dan pengalaman beliau yang luas dalam hal penyelidikan ilmiah, saya memperolehi manfaat yang besar sekali. Saya terhutang budi kepada beliau kerana beliau banyak memberi pandangan dan teguran yang membina dalam membentuk dan mengembangkan idea dalam kajian ini.

Saya berterima kasih kepada penyelia bersama saya Dr. Tajul Aripin bin Kassin yang selalu bersedia memberi panduan dan bantuan yang tidak terkira kepada saya. Saya turut terhutang budi kepada penyelia bersama kedua saya, iaitu Dr. Peh Kok Khiang yang sentiasa memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar kepada saya, khasnya dalam penyemakan data bahasa Cina dalam kajian ini.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Profesor Zhang Zhu Xian dari Universiti Tsinghua, Beijing, China, yang telah memberi dorongan moral dan bantuan bahan kepada saya.

Penghargaan juga saya tujukan kepada kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang sentiasa bersedia memberi sokongan dan perkhidmatan kepada saya sehingga memungkinkan saya menyiapkan kajian ini.

Rakaman terima kasih juga saya tujukan kepada kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institusi Pengajian Siswazah yang bersedia memberi layanan dan bantuan kepada saya semasa saya menghadapi sebarang masalah sepanjang

pengajian saya. Terima kasih saya ucapkan juga kepada rakan-rakan yang telah membantu dan memberi dorongan kepada saya walaupun nama-nama mereka tidak tersebut di sini. Budi pekerti mereka akan kekal dalam kenangan saya.

Akhir sekali, penghargaan dan terima kasih khas saya rakamkan kepada semua ahli keluarga saya terutamanya ibu saya yang telah memberi kasih sayang dan dorongan kepada saya. Tanpa sokongan dan galakan mereka, kajian ini mungkin tidak dapat disempurnakan.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Tajuk	i	
Penghargaan	ii	
Kandungan	iv	
Senarai Jadual	x	
Singkatan dan Lambang	xi	
Glosari	xii	
Abstrak	xv	
Abstract	xvi	
BAB 1	PENGENALAN	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang dan Pernyataan Masalah	3
1.2	Objektif Kajian	13
1.3	Persoalan Kajian	13
1.4	Kepentingan Kajian	14
1.5	Kerangka Teori	14
1.5.1	Teori Kuasaan dan Tambatan	15
1.5.2	Model X-Berpalang	19
1.5.3	Analisis Komponen Makna	23
1.5.4	Pengelasan Perhubungan Semantik dalam Konfigurasi Semantik Sekunder	25
1.5.5	Makna Kiasan dan Penjenisan Kiasan	28

1.6	Kaedah Kajian	30
	1.6.1 Pengumpulan Data	30
	1.6.2 Pengelasan Data	32
	1.6.3 Analisis Data	33
1.7	Bidang Kajian dan Batasan Kajian	36
1.8	Takrif Istilah	38
1.9	Organisasi Kajian	40
	Nota	42
BAB 2	STRUKTUR SINTAKSIS SIMPULAN BAHASA MELAYU DAN STRUKTUR SINTAKSIS PERIBAHASA CINA	
2.0	Pendahuluan	45
2.1	Simpulan Bahasa Melayu	45
2.2	Chengyu 成语 (Bahasa Tetap)	50
2.3	Guanyongyu 惯用语 (Bahasa Biasa)	57
2.4	Analisis Struktur Sintaksis Simpuln Bahasa	63
	2.4.1 Pola Yang Berkepala Kata Nama	63
	2.4.2 Pola Yang Berkepala Kata Kerja	78
	2.4.3 Pola Yang Berkepala Kata Adjektif	85
2.5	Analisis Struktur Sintaksis Peribahasa Cina	97
	2.5.1 Pola Yang Berkepala Kata (Frasa) Nama	97
	2.5.2 Pola Yang Berkepala Kata (Frasa) Kerja	114
	2.5.3 Pola Yang Berkepala Kata (Frasa) Adjektif	127
2.6	Kesimpulan	134
	Nota	139

BAB 3	STRUKTUR SINTAKSIS PERUMPAMAAN MELAYU DAN STRUKTUR SINTAKSIS PERIBAHASA CINA	
3.0	Pendahuluan	141
3.1	Perumpamaan Melayu	141
3.2	Xiehouyu 歇后语 (Bahasa Pembayang Maksud)	145
3.3	Analisis Struktur Sintaksis Perumpamaan	151
3.3.1	Struktur Yang Berbentuk Frasa Kata Depan	151
3.3.2	Struktur Yang Berbentuk Ayat Keterangan Perbandingan	154
3.3.3	Struktur Tanpa Kata Perbandingan	159
3.3.3.1	Struktur Yang Berbentuk Ayat Tanya	161
3.3.3.2	Struktur Yang Berbentuk Ayat Nafi	174
3.3.3.3	Struktur Yang Berbentuk Ayat Pasif	181
3.4	Analisis Struktur Sintaksis Peribahasa Cina	185
3.4.1	Struktur Yang Berbentuk Frasa Kata Depan	185
3.4.2	Struktur Yang Berbentuk Frasa Keterangan Perbandingan	189
3.4.3	Struktur Tanpa Kata Perbandingan	191
3.5	Kesimpulan	201
	Nota	204

BAB 4	STRUKTUR SINTAKSIS BIDALAN MELAYU DAN STRUKTUR SINTAKSIS PERIBAHASA CINA	
4.0	Pendahuluan	206
4.1	Bidalan Melayu	206
4.2	Yanyu 谚语 (Bahasa Umum)	209
4.3	Analisis Struktur Sintaksis Bidalan	213
4.3.1	Struktur Dengan Kata ‘Biar’	213
4.3.2	Struktur Dengan Kata Larangan	218
4.3.3	Struktur Dengan Kata ‘Biar’dan Kata `Jangan`	224
4.3.4	Struktur Dengan Kata Hubung Keterangan `Kalau`	226
4.3.5	Struktur Tanpa Kata Perintah	232
4.4	Analisis Struktur Sintaksis Yanyu 谚语 (Bahasa Umum)	236
4.4.1	Struktur Dengan Kata Suruhan	236
4.4.2	Struktur Dengan kata Larangan	241
4.4.3	Struktur Tanpa Kata Perintah	243
4.5	Kesimpulan	246
	Nota	249
BAB 5	STRUKTUR SINTAKSIS PEPATAH MELAYU DAN STRUKTUR SINTAKSIS PERIBAHASA CINA	
5.0	Pendahuluan	250
5.1	Pepatah Melayu	250
5.2	Analisis Struktur Sintaksis Pepatah Melayu	252
5.2.1	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Gabungan	252


5.2.2	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Keterangan Musabab	257
5.2.3	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Keterangan Syarat	262
5.2.4	Deretan Ayat Kehadiran Yang Merupakan Ayat Keterangan Syarat	267
5.2.5	Deretan Ayat Nafi Yang Merupakan Ayat Majmuk Gabungan	272
5.2.6	Deretan Ayat Pasif Yang Merupakan Ayat Majmuk Gabungan	276
5.2.7	Deretan Ayat Nominal `Yang` Yang Merupakan Ayat Majmuk Gabungan	280
5.3	Analisis Struktur Sintaksis Yanyu 谚语 (Bahasa Umum)	284
5.3.1	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Koordinat	284
5.3.2	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Progresif	288
5.3.3	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Pertentangan	290
5.3.4	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Musabab-Akibat	292
5.3.5	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Syarat	294
5.3.6	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Andaian	297
5.3.7	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Tujuan	300
5.3.8	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Kecenderungan	302
5.3.9	Struktur Yang Berbentuk Ayat Majmuk Singkat	304
5.4	Kesimpulan	309
	Nota	313

BAB 6	PENUTUP	315
6.0	Pendahuluan	315
6.1	Dapatan Kajian	316
6.2	Sumbangan Kajian	334
6.3	Cadangan Kajian Masa Hadapan	335
	Nota	336
BIBLIOGRAFI		337
LAMPIRAN		
LAMPIRAN A	Simpulan Bahasa	349
LAMPIRAN B	Perumpamaan	356
LAMPIRAN C	Bidalan	362
LAMPIRAN D	Pepatah	366
LAMPIRAN E	Chengyu 成语 (Bahasa Tetap)	374
LAMPIRAN F	Guanyongyu 惯用语 (Bahasa Biasa)	388
LAMPIRAN G	Yanyu 谚语 (Bahasa Umum)	398
LAMPIRAN H	Xiehouyu 歇后语 (Bahasa Pembayang Maksud)	406

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Pola Susunan Simpulan Bahasa	50
2.2	Pola Susunan Chengyu	55
2.3	Pola Susunan Guanyongyu	61
2.4	Struktur Dasar bagi Simpulan Bahasa, Chengyu dan Guanyongyu	135
2.5	Ciri-Ciri dalam Simpulan Bahasa, Chengyu dan Guanyongyu	138
3.1	Struktur Dasar bagi Perumpamaan, Chengyu dan Xiehouyu	201
3.2	Ciri-Ciri dalam Perumpamaan, Chengyu dan Xiehouyu	203
4.1	Struktur Dasar bagi Bidalan dan Yanyu	247
4.2	Ciri-Ciri dalam Bidalan dan Yanyu	248
5.1	Struktur Dasar bagi Pepatah dan Yanyu	310
5.2	Ciri-Ciri dalam Pepatah dan Yanyu	311
6.1	Pola Yang Berkepala Kata (Frasa) Nama	316
6.2	Pola Yang Berkepala Kata (Frasa) Kerja	317
6.3	Pola Yang Berkepala Kata (Frasa) Adjektif	317
6.4	Struktur Dasar bagi Simpulan Bahasa, Chengyu dan Guanyongyu dan Kekerapannya	319
6.5	Perbandingan Struktur Dasar antara Perumpamaan, Chengyu dan Xiehouyu	322
6.6	Struktur Dasar bagi Perumpamaan, Chengyu dan Xiehouyu dan Kekerapannya	323
6.7	Perbandingan Struktur Dasar antara Bidalan dan Yanyu	324
6.8	Struktur Dasar bagi Bidalan dan Yanyu dan Kekerapannya	325
6.9	Perbandingan Struktur Dasar antara Pepatah dan Yanyu	326
6.10	Struktur Dasar bagi Pepatah dan Yanyu dan Kekerapannya	327
6.11	Ciri-Ciri Struktur Sintaksis dalam Jenis-Jenis Peribahasa Melayu dan Peribahasa Cina	329

SENARAI SINGKATAN DAN LAMBANG

A	Kata Adjektif
ADB	Adverbial
ADV	Adverb
Bil	Bilangan
e	ruang kosong
FA	Frasa Adjektif
FADB	Frasa Adverbial
FI	Frasa Infleksi
FK	Frasa Kerja
FKD	Frasa Kata Depan
FKOMP	Frasa Komplemen
FN	Frasa Nama
I	Infleksi
K	Kata Kerja
KB	Kata Bantu
KD	Kata Depan
KGN	Kata Ganti Nama
KH	Kata Hubung
KOMP	Komplemen
KP	Kata Perintah
KPeng	Kata Penguat
N	Nama
NAF	Kata Nafi
PBil	Penjodoh Bilangan
pro	simbol 'dummy' yang tidak ada sebutan fonetik, pada kedudukan subjek
PRO	Proform (tiada manifestasi fonetik dan grafem), pada kedudukan predikat
PRT	Partikel
Spes	Spesifier
[+]	mempunyai fitur sintaksis yang dinyatakan
[-]	tidak mempunyai fitur sintaksis yang dinyatakan
←	transformasi
∅	kosong
*	ayat yang tidak gramatis atau salah
()	opsyenal
[]	konstituen dalam kategori
↓	digugurkan
t	tikas
	transformasi (gerak-α)
{ x } { y }	sama ada x atau y

GLOSARI

adverba	adverbial	zhuangyu 状语
adjung	adjunct	fujiayu 附加语
agen	agent	shishi 施事
anafora	anaphora	zhaoyingyu 照应语
anteseden	antecedent	xianxingyu 先行语
argument	argument	zhumu yu 主目语
ayat majmuk	compound sentence	fuju 复句
ayat majmuk andaian	suppositive compound sentence	jiashе fuju 假设复句
ayat majmuk berturut-turut	successive compound sentence	chengjie fuju 承接复句
ayat majmuk kecenderungan	preference compound sentence	qushe fuju 取舍复句
ayat majmuk koordinat	coordinate compound sentence	binglie fuju 并列复句
ayat majmuk musabab-akibat	causative compound sentence	yinguo fuju 因果复句
ayat majmuk pertentangan	transitive compound sentence	zhuanzhe fuju 转折复句
ayat majmuk pilihan	alternative compound sentence	xuanze fuju 选择复句
ayat majmuk progresif	progressive compound sentence	dijin fuju 递进复句
ayat majmuk singkat	contracted compound sentence	jinsuo fuju 紧缩复句
ayat majmuk syarat	conditional compound sentence	tiaojian fuju 条件复句

ayat majmuk tujuan	purposive compound sentence	mudi fuju 目的复句
ayat nafi	negative sentence	foudingju 否定句
ayat pasif	passive sentence	beidongju 被动句
ayat perintah	imperative sentence	qishiju 祈使句
ayat sematan	embedded sentence	neiqianju 内嵌句
ayat tanya	interrogative sentence	yiwenju 疑问句
endosentrik	endocentric	xiangxin 向心
fitur	feature	tezheng 特征
frasa	phrase	duanyu 短语
frasa adjektif	adjective phrase	xingrongci duanyu 形容词短语
frasa kata depan	prepositional phrase	jieci duanyu 介词短语
frasa kerja	verb phrase	dongci duanyu 动词短语
frasa kerja-objek	verb-object phrase	shubin duanyu 述宾短语
frasa komplemen	complementary phrase	buchong duanyu 补充短语
frasa koordinatif	coordinative phrase	lianhe duanyu 联合短语
frasa nama	noun phrase	mingci duanyu 名词短语
frasa penerangan	subordinate phrase	pianzheng duanyu 偏正短语
frasa subjek-predikat	subject-predicate phrase	zhuwei duanyu 主谓短语
kata bantu	auxiliary	zhudongci 助动词

kata bilangan	numeral	shuci 数词
kata depan	preposition	jieci 介词
kata ganti nama	pronoun	daici 代词
kata hubung	conjunction	lianci 连词
kata kerja	verb	dongci 动词
kata nama	noun	mingci 名词
keterangan	adverb	fuci 副词
komplemen	complement	buyu 补语
komponen	component	chengfen 成分
kuantifier	quantifier	liangci 量词
nodus	node	jiedian 节点
partikel	particle	zhuci 助词
pemindahan	movement	yiwei 移位
pola	form / pattern	xingshi 形式
Prinsip Kategori Kosong	Empty Category Principle	Kongyulei yuanze 空语类原则
rajab pohon	tree diagram	shuxing tu 树形图
sintaksis	syntax	jufa 句法
struktur	structure	jiiegou 结构
struktur dalaman	deep structure	shenceng jiegou 深层结构
struktur luaran	surface structure	biaoceng jiegou 表层结构
Teori Kasus	Case Theory	ge lilun 格理论
Teori X-berpalang	X-bar Theory	X- gang lilun X-杠理论
tikas	trace	yuji 语迹
transformasi	transformation	zhuanhuan 转换

PERIBAHASA MELAYU DAN PERIBAHASA CINA: SATU PERBANDINGAN SINTAKSIS

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji dan membandingkan struktur sintaksis jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina. Sebanyak 500 peribahasa Melayu dan 500 peribahasa Cina yang umum digunakan dipilih dan dikaji dengan menggunakan Teori Kuasaan dan Tambatan (Chomsky,1981), Model X-berpalang (Radford, 1997), Analisis Komponen Makna (Katz dan Fodor, 1963), makna kiasan dan penjenisan kiasan (Za`ba,1965), dan pengelasan perhubungan semantik (Nida, 1975). Kajian ini mendapati bahawa struktur sintaksis *simpulan bahasa* Melayu dan struktur sintaksis *chengyu* 成语 (bahasa tetap) serta *guanyongyu* 惯用语 (bahasa biasa) terdiri daripada ungkapan-ungkapan yang pendek. Kajian ini juga mendapati bahawa *perumpamaan* Melayu dan *chengyu* yang bersifat analogi ditandai dengan kata-kata perbandingan dan berbentuk frasa. Didapati juga *bidalan* Melayu dan *yanyu* 谚语 (bahasa umum) ditandai dengan kata-kata suruhan dan larangan. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa struktur *pepatah* Melayu dan *yanyu* terdiri daripada dua kerat dan digabungkan dengan kata hubung. Perbezaan-perbezaan yang utama ialah *simpulan bahasa* terdiri daripada dua perkataan, *guanyongyu* terdiri daripada tiga perkataan dan *chengyu* terdiri daripada empat perkataan. *Perumpamaan* yang tidak menyebutkan kata-kata perbandingan berbentuk ayat, manakala *xiehouyu* 歇后语 (bahasa pembayang maksud) berbentuk frasa dan ayat. Juga didapati bahawa pada amnya *yanyu* tidak menandai kata-kata suruhan dan larangan pada struktur-L manakala *bidalan* menandainya. Perbezaan seterusnya ialah *yanyu* yang terdiri daripada dua klausa mempunyai kecenderungan menggabungkan tanpa kata hubung pada struktur-L juga tetapi *pepatah* tidak demikian.

MALAY PROVERBS AND CHINESE PROVERBS: A SYNTACTIC COMPARISON

ABSTRACT

This thesis studies and compares the syntactic structures of Malay proverbs and Chinese proverbs. As many as 500 Malay proverbs and 500 Chinese proverbs that are commonly used are selected for study using the Government and Binding Theory (Chomsky, 1981), the X-bar Model (Radford, 1997), the Componential Analysis of Meaning (Katz and Fodor, 1963), the idiomatic meaning and types of idiom (Za`ba, 1965), and the classification of semantic relations (Nida, 1975). This study has found that the syntactic structure of Malay *simpulan bahasa* and the syntactic structure of *chengyu* 成语 (fixed expressions) and also *guanyongyu* 惯用语 (common expressions) are of short phrases. This study also has found that Malay *perumpamaan* and *chengyu* that have the characteristic of analogy are marked by comparative words and of the form of phrases. This study has also found that Malay *bidalan* and *yanyu* 谚语 (general expressions) are marked by command words and negative imperative words. The research findings also reveal that the structure of Malay *pepatah* and *yanyu* comprise two portions which are held together by conjunctions. The major differences are that *simpulan bahasa* are of two words, *guanyongyu* are of three words and *chengyu* are of four words. *Perumpamaan* which do not contain any comparative words are of the form of sentences, while *xiehouyu* 歇后语 (allusion expressions) are of the form of phrases and sentences. Also, this study has found that in general *yanyu* are not marked by command words and negative imperative words at S-structure but *bidalan* do. A further difference is that *yanyu* with two clauses have the tendency to be conjoined without conjunctions at S-structure also while *pepatah* do.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang tidak lapuk oleh hujan dan tidak lekang oleh panas, dan hampir setiap bangsa mempunyai bentuk-bentuk peribahasanya sendiri, dan peribahasa sesuatu bangsa itu mencerminkan watak bangsa itu (Abdullah Hussain, 1989). Seterusnya, peribahasa itu timbul atau tumbuh bersama-sama masyarakat zaman lampau, istimewanya masyarakat daerah atau kampung-kampung yang mencerminkan corak fikiran, asas-asas tindakan, kesukaan dan kebencian serta undang-undang dan adat resam (Arifin Nur, 1971). Sebenarnya, menurut kebiasaan lama, berbicara secara berterus terang dalam sesuatu perkara itu dianggap kurang sopan, perbuatan yang kurang manis, jadinya melanggar adat, maka masyarakat lama berbicara dengan cara berkias dan beribarot, iaitu dengan menggunakan peribahasa (Darus Ahmad, 1974). Selanjutnya, seseorang yang menggunakan peribahasa dalam percakapan atau tulisan dapat menyampaikan maksudnya dengan lebih jelas, berkesan dan manis didengar, juga, seseorang yang dapat memakai peribahasa dengan betul tempatnya dalam percakapan atau tulisan, akan menunjukkan bahawa ia pandai dalam bahasa itu, istimewa pula jika ia orang bangsa dagang yang bukan punya bahasa itu sendiri (Za`ba, 1965).

Dengan demikian, peribahasa memainkan peranan yang penting dalam budaya sesuatu bangsa kerana dalam peribahasa tersirat nilai-nilai murni, nasihat dan

pengetahuan yang boleh dijadikan pedoman hidup masyarakat. Sifat istimewa peribahasa itu telah membolehkan ahli bahasa, ahli antropologi, ahli etnologi dan ahli sosiologi dalam mengkaji hal sesuatu bangsa masyarakat melalui peribahasa, dan seterusnya peribahasa juga menyediakan data yang berguna bagi ahli logik, ahli lakuan tuturan dan ahli ilmu jiwa dalam kajian mereka (Black, 1995).¹

Tidaklah diketahui bilakah peribahasa mula digunakan dan siapa penciptanya. Walau bagaimanapun, usia peribahasa itu sama tuanya dengan bahasa sesuatu bangsa dan peribahasa mula-mula digunakan apabila bangsa manusia mulai mengenal peradaban, ketika organisasi kehidupan perlu diatur, batas antara yang baik dengan yang buruk perlu diadakan, untuk menjadi pendinding tatatertib pergaulan dan perhubungan hidup sesama manusia (Abdullah Hussain,1989).

Menurut pendeta Za`ba (1965:166), kejadian peribahasa adalah seperti dalam (1a-d):

- (1) (a) Mula-mulanya sebutan itu keluar dari mulut seseorang yang bijak dan pantas fikirannya.
- (b) Kemudian apabila berkenan orang ramai mendengarnya, dipakailah oleh mereka dan merebaklah peribahasa itu dari seorang ke seorang.
- (c) Dengan demikian masyhurlah perkataan itu dan akhirnya lalu melekat dalam bahasa itu hingga bila-bila, menjadi suatu kekayaan dan perhiasan kepada bahasa itu.
- (d) Maka pada ketika itu dinamakan akan dia “Peribahasa, Bidalan, Pepatah, Perumpamaan” iaitu semuanya satu maksud juga.

Menurut Abdullah Hussain (1989) pula, peribahasa itu berasal daripada tiga sumber. Pertama, rakyat jelata yang mencipta peribahasa melalui pengalaman hidupnya. Kedua, orang-orang yang arif bijaksana mengeluarkan ungkapan kata-kata hasil daripada renungannya. Ketiga, kitab suci.

Bagi peribahasa Cina, selain diperturunkan secara lisan, sebahagian daripadanya dilahirkan setelah terciptanya tulisan.² Oleh sebab itu, kejadian peribahasa dapat dikesan melalui bahan-bahan tulisan tertentu yang berunsur mitos, legenda, cerita-cerita dongeng, cerita-cerita sejarah, kitab agama, puisi, novel dan sebagainya. Di antara bahan-bahan tulisan itu, yang lebih penting ialah *Lunyu* 论语 (The Analects), *Mengzi* 孟子 (Mencius), *Zhuangzi* 庄子 (Writings of Zhuang Zhou), *Liezi* 列子 (Writings of Lie Yukou), *Hanfeizi* 韩非子 (Writings of Han Fei), *Lushi Chunqiu* 吕氏春秋 (Master Lu's Spring and Autumn Annals), *Zhanguo Ce* 战国策 (Warring States Records), *Zuo Zhuan* 左传 (Master Zuo's Spring and Autumn Annals), *Huainanzi* 淮南子 (Writings of Prince Huainan), *Shi Ji* 史记 (Historical Records), *Hanshu* 汉书 (Books of Han), *Shishuo Xinyu* 世说新语 (New Accounts of Old Episodes).

1.1 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah

Menurut Ishak Ramly (1990), pada awal perkembangannya, peribahasa adalah dalam bentuk lisan sejak turun-temurun dan usaha mengumpulkan dan menerbitkan peribahasa dalam bentuk buku tidak ada sehingga kurun ke 18. Walaupun ada catatan penggunaan beberapa peribahasa Melayu dalam *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah*, *Kisah Muhammad Hanafiah* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* tetapi tidak khusus dan menyeluruh.³ Kebanyakan usaha awal pengumpulan peribahasa Melayu

oleh pengkaji-pengkaji Barat seperti Hugh Clifford, Humphrey, Maxwell telah diterbitkan dalam jurnal *JMBRAS*.⁴ Peribahasa juga dimasukkan di dalam *Kamus Melayu-Inggeris* susunan Clifford dan Swettenham (1894), dan Wilkinson (1901).⁵ Namun, usaha pengumpulan peribahasa Melayu yang paling berpengaruh ialah *Kitab Kiliran Budi* oleh Shellabear (1906).⁶

Walaupun bagaimanapun, usaha pertama yang dilakukan oleh orang Melayu ialah *Kitab Tikaman Bahasa* oleh Mohd. Adnan bin Mohd. Ariffin (1934).⁷ Usaha-usaha lain muncul selepas Perang Dunia II seperti *Kamus Peribahasa Melayu* oleh Darus Ahmad (1956), *Mestika bahasa* oleh Muhammad Yusof Mustafa (1959) dan *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu* oleh Abdullah Hussain (1965).⁸

Minat dalam pengumpulan dan penyusunan peribahasa turut bersemarak pada dekad 1980-an dan 1990-an terutamanya bagi tujuan pendidikan (Lim, 1998). Antara karya-karya yang diterbitkan adalah seperti *Peribahasa Dalam Penggunaan* oleh Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman (1984), *Peribahasa Untuk KBSM* oleh Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman dan Rahman Shaari (1989), dan *Peribahasa Nilai-Nilai Murni KBSM* oleh Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1994a).

Walaupun agak banyak usaha yang dilakukan dalam pengumpulan dan penyusunan peribahasa Melayu, namun terdapat pelbagai pandangan tentang klasifikasi peribahasa Melayu mengikut jenis-jenisnya (Lim, 1998); misalnya, Za`ba (1965) dalam bukunya *Ilmu Mengarang Melayu* membincangkan simpulan bahasa di bawah satu tajuk yang tersendiri, diikuti oleh bab peribahasa yang membincangkan bidalan, pepatah, perbilangan, perumpamaan, dan lidah pendeta, manakala kiasan, tamsil

dan ibarat dibincangkan di bawah bab yang bertajuk bahasa kiasan. Seperti Za'ba (1965), Keris Mas (1988) mengasingkan aspek simpulan bahasa di bawah satu tajuk yang tersendiri. Jenis-jenis yang lain seperti bidalan, pepatah, perbilangan dan perumpamaan dibincangkan di bawah tajuk peribahasa. Md. Said Suleiman (1991) mengklasifikasikan peribahasa (perian basa) kepada tujuh jenis yang besar, iaitu kiasan basa, ragaman basa, seerti basa, simpulan basa, lagak basa, kacukan basa, dan keelokan basa. Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1993) pula menggolongkan peribahasa Melayu kepada empat jenis, iaitu simpulan bahasa, pepatah, perumpamaan dan bidalan.

Memang sukar untuk mengklasifikasikan peribahasa kerana tumpang tindih yang berlaku antaranya pasti wujud. Menurut Tan (1981:5):

“... there is no general agreement and as one category so frequently overlaps another the distinctions made serve no useful.”

Ghazali Dunia (1969:156) dalam bukunya *Langgam Sastera Lama* juga menyatakan:

“Bidalan, pepatah, petitih, tamsil, perumpamaan sebenarnya tidak ada perbezaan. Kalau ada orang yang membahagi-bahagikan demikian, hanya satu pembahagian yang dibuat-buat sahaja. Misalnya, pepatah asalnya daripada pematah, yakni mematahkan bicara orang. Bidal dan peribahasa pun dapat juga dipakai untuk mematahkan bicara orang.”

Penggolongan peribahasa sebenarnya menimbulkan masalah (Ishak Ramly, 1990). Hal ini demikian kerana adanya tumpang tindih **kata kunci pengenalan**⁹ aspek binaan peribahasa ini, malah ada beberapa contoh peribahasa yang turut berulang di bawah aspek lain yang sedang dibincangkan (Indirawati Zahid, 1998). Keadaan yang sedemikian menimbulkan masalah kepada pihak-pihak yang terlibat dengan persoalan ini, iaitu para penggubal kurikulum bahasa Melayu, guru-guru bahasa

serta para penulis buku teks bahasa Melayu serta buku-buku bacaan tambahan (Ismail Salleh, 1990).

Selanjutnya, sintaksis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina belum lagi dikaji dalam kerangka generatif walaupun beberapa kajian awal dijalankan di negeri barat terhadap bahasa kiasan (idioms) Inggeris seperti kajian Katz dan Postal (1963), Chafe (1968), Fraser (1970), Katz (1973) dan Cram (1983).

Kebanyakan penulisan dan perbincangan tentang peribahasa Melayu dibuat dalam bentuk buku, buku tatabahasa dan makalah. Antara ahli-ahli bahasa yang telah membincangkan tentang peribahasa Melayu dalam buku dan buku tatabahasa ialah Za`ba (1965), Asmah Haji Omar (1980), Keris Mas (1988), Abdullah Hassan (1986), dan Nik Safiah Karim *et al.* (1993). Perbincangan yang lain dalam bentuk makalah diterbitkan dalam *Jurnal Dewan Bahasa* dan *Pelita Bahasa*.

Za`ba (1965) memberi huraian dan takrifan bagi setiap jenis peribahasa serta penerangan dan contoh-contohnya sekali, tetapi tidak membincangkan struktur bagi setiap jenis peribahasa itu.

Keris Mas (1988) juga memberi huraian, takrifan dan contoh-contoh bagi setiap jenis peribahasa. Beliau hanya membincangkan bentuk simpulan bahasa, iaitu kata-kata yang terbentuk dalam simpulan bahasa itu ada yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata sifat.¹⁰

Abdullah Hassan (1986) dalam *Penerbitan Kata Dalam Bahasa Malaysia* membincangkan simpulan bahasa dari aspek struktur dan ciri-cirinya. Beliau

menyatakan bahawa simpulan bahasa mempunyai ciri-ciri sebuah kata dan menggolongkan simpulan bahasa sebagai kata majmuk.¹¹

Asmah (1980) dalam *Nahu Melayu Mutakhir* tidak membincangkan peribahasa Melayu secara khusus. Beliau hanya membincangkan simpulan bahasa dalam subtajuk golongan frasa kerja dan frasa sifat, iaitu frasa kerja simpulan bahasa, frasa kerja kiasan dan frasa sifat simpulan bahasa.

Nik Safiah Karim *et al.* (1993) juga tidak menghuraikan ciri-ciri peribahasa secara khusus. Simpulan bahasa digolongkan di bawah subtajuk golongan kata iaitu kata nama majmuk dan kata adjektif majmuk yang mendokong maksud kiasan. Manakala jenis-jenis peribahasa yang lain dibincangkan dalam subtajuk golongan kata sendi nama yang membawa maksud perbandingan atau sebagai unsur keterangan bandingan dalam frasa atau ayat.

Menurut Kho (1995) dan Nathesan (1998), simpulan bahasa dibentuk dengan menggandingkan kata nama, kata kerja, kata adjektif dan kata tugas secara berturutan. Walau bagaimanapun, jenis-jenis peribahasa lain tidak dibincangkan.

Bagi peribahasa Cina, penggolongannya juga menimbulkan masalah.¹² Hal ini disebabkan pendapat yang berbeza-beza. Setakat ini, peribahasa Cina yang lebih dikenali sebagai 'shuyu' 熟语, terdiri daripada jenis-jenisnya seperti chengyu 成语 (bahasa tetap), guanyongyu 惯用语 (bahasa biasa), yanyu 谚语 (bahasa umum), xiehouyu 歇后语 (bahasa pembayang maksud), suyu 俗语 (bahasa am), dan geyan 格言 (lidah pendeta).

Dalam hal pengumpulan dan penerbitan peribahasa Cina pula, kebanyakannya dibuat dalam bentuk kamus, buku panduan dan buku bersiri; misalnya, *Buku Panduan Chengyu Mengikut Penjenisan* 分类成语手册 oleh Ke 柯槐青 (1950), *Kamus Chengyu Bahasa Cina* 中华成语大词典 oleh Xiang et al. 向光忠 (1986), *Penjenisan Chengyu Praktik* 实用成语类编 oleh Zhang 张秀强 (1986), *Kamus Guanyongyu Bahasa Cina* 汉语惯用语词典 oleh Zhou 周宏溟(1990), *Buku Bersiri Peribahasa Cina* 熟语丛书 oleh Ma et al. 马国凡, 高歌东, 武占坤 (1997), *Koleksi Lengkap Peribahasa Cina* 熟语大全 oleh Ma dan Wu 马国凡, 吴学恒 (2001) dan lain-lain.

Di Malaysia, pengumpulan dan penyusunan peribahasa Cina juga banyak dibuat dalam bentuk kamus dan buku panduan. Antara karya-karya yang diterbitkan ialah *Kamus Peribahasa Cina* 成语词典 (1990), *Ringkasan Chengyu Dan Yanyu* 简明成语与谚语 (1992), *Kamus Chengyu Mengikut Penjenisan* 分类成语词典 (2001) dan lain-lain.

Seterusnya, kebanyakan penulisan dan perbincangan tentang peribahasa Cina dibuat dalam bentuk buku tatabahasa, buku dan buku bersiri; misalnya, *A Grammar of Spoken Chinese* oleh Chao (1968), *Bahasa Cina Moden* 现代汉语 oleh Zhang 张志公 (1984), *A Practical Chinese Grammar For Foreigners* 外国人实用汉语语法 oleh Li 李德津 dan Cheng 程美珍 (1988), *Tatabahasa Cina Moden* 现代汉语语法 oleh Luo 罗华炎 (1992), *Pengajian Peribahasa Bahasa Cina* 汉语熟语学 oleh Sun 孙维张 (1989), dan *Buku Bersiri Peribahasa Cina* 熟语丛书 oleh Ma et al. 马国凡, 高歌东, 武占坤 (1997).

Chao (1968) tidak membicarakan peribahasa Cina secara khusus dalam bukunya. Perbincangan hanya dibuat dalam subtajuk golongan kata dan kata majmuk.

Zhang (1984) membicarakan jenis-jenis peribahasa di bawah tajuk chengyu 成语 (bahasa tetap). Setiap jenis peribahasa diberi takrifan, huraian dan contoh-contoh, tetapi struktur jenis-jenis peribahasa yang lain tidak dihuraikan.

Li dan Cheng (1988) tidak menghuraikan jenis-jenis peribahasa Cina, tetapi menggolongkan chengyu 成语 (bahasa tetap) di bawah frasa tetap 固定词组 (*set phrase*).

Dalam *Tatabahasa Cina Modern*, Luo (1992) membicarakan peribahasa Cina di bawah satu tajuk yang tersendiri, iaitu 'shuyu' 熟语 (peribahasa). Peribahasa Cina digolongkan kepada beberapa jenis, seperti chengyu 成语 (bahasa tetap), yanyu 谚语 (bahasa umum), xiehouyu 歇后语 (bahasa pembayang maksud), guanyongyu 惯用语 (bahasa biasa), suyu 俗语 (bahasa am) dan geyan 格言 (lidah pendeta). Setiap jenis peribahasa Cina diberi takrifan dan contoh-contohnya. Selain diberi beberapa contoh tentang struktur chengyu 成语 (bahasa tetap) dan guanyongyu 惯用语 (bahasa biasa), jenis-jenis lain tidak dihuraikan.

Walaupun Sun (1989) dan Ma *et al.* (1997) dalam buku dan buku bersiri ada membicarakan tentang bentuk jenis-jenis peribahasa Cina, tetapi perbincangan itu hanya dibuat dalam satu bahagian kecil sahaja dan tidak dianalisis dengan selanjutnya.

Daripada perkara yang dibincangkan di atas, ternyata agak banyak pengumpulan dan penerbitan yang dilakukan terhadap peribahasa Melayu dan peribahasa Cina. Namun, kajian yang khusus tentang struktur sintaksis peribahasa, khasnya dalam kerangka generatif, belum lagi dilakukan. Oleh sebab itu, diharapkan kajian ini dapat mengisi kekosongan itu dan membantu kajian-kajian yang akan dijalankan pada masa hadapan. Selain itu, diharapkan juga analisis struktur sintaksis peribahasa dapat dijadikan kata kunci pengenalan untuk membezakan jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina dari segi struktur dan pengelasannya. Justeru, pengelasan jenis-jenis peribahasa itu mungkin penting bagi maksud pengajaran formal di bilik darjah atau untuk pembicaraan ilmiah (Awang Sariyan, 1991).

Seterusnya, peribahasa melibatkan kolokasi yang istimewa (Palmer, 1989). Oleh itu, sangatlah susah bagi kita menggunakan hubungan tatabahasa yang biasa untuk menganalisis peribahasa (Sun, 1989). Hal yang demikian menyebabkan timbullah pendapat bahawa dalam struktur peribahasa, misalnya simpulan bahasa, seolah-olah terdapat pengenehan peraturan tatabahasa (Mohd. Khusairi Haji Abdullah, 1971).¹³ Walau bagaimanapun, menurut Awang Sariyan (1991), hal yang sering dilupakan, malah dianggap tidak berkaitan oleh pengkaji peribahasa ialah hakikat bahawa peribahasa mencerminkan sistem tatabahasa sesuatu bahasa. Sesungguhnya, tidak harus diabaikan hakikat terhimpunnya sebilangan besar peribahasa yang tersusun baik dan menurut lenggok bahasa yang terpelihara, dan kita sewajarnya membuat pemerhatian yang menyeluruh dan melihat peribahasa dalam konteks sistem bahasa keseluruhannya (Awang Sariyan, 1991).

Akhirnya, bahasa Melayu tergolong ke dalam cabang Nusantara dalam keluarga Austronesia (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993). Bahasa Cina pula tergolong ke dalam

keluarga Tibet-Cina (Li dan Thompson, 1981). Walau bagaimanapun, kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Cina tergolong ke dalam satu keluarga bahasa besar yang bernama keluarga - bahasa Austris (Nik Safiah Karim *et al.*, 1993).¹⁴ Oleh itu, mungkin dapat dilihat unsur-unsur persamaan antara bahasa Cina dan bahasa Melayu.

Dari segi perkembangan peribahasa, sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah Hussain (1989), beberapa hal di antara peribahasa-peribahasa itu agak umum antara satu bangsa dengan bangsa lain. Idea peribahasa Melayu : *Pukul anjing tengok-tengok tuannya* terdapat juga dalam idea peribahasa Cina yang terjemahan dalam bahasa Inggeris berbunyi: *in beating a dog, first find out who the owner is*. Idea peribahasa Inggeris: *when the cat's away, the mice will play* dan *cut your coat according to your cloth* terdapat juga dalam idea peribahasa Melayu, dan mungkin peribahasa-peribahasa bangsa lain juga.

Sesungguhnya, sifat terbuka budaya Melayu pada zaman dahulu turut menyebabkan berlakunya asimilasi pengaruh, dan kemasukan orang Arab, Parsi, Portugis, Belanda, Inggeris, India dan Cina ke dalam masyarakat Melayu sedikit sebanyak mempengaruhi penciptaan peribahasa Melayu (Sahlan Mohd. Saman, 1981). Hal ini boleh berlaku mungkin disebabkan oleh sifat manusia yang sama, keadaan sekeliling yang serupa, perhubungan sejarah seperti perniagaan antarabangsa dan penyebaran agama-agama besar seperti Buddha, Kristian dan Islam (Winstedt, 1981).

Sehubungan itu, peribahasa masyarakat Melayu yang sememangnya telah cukup terkenal perlu juga dibandingkan dengan peribahasa masyarakat lain, misalnya

masyarakat Cina. Sebagaimana bangsa-bangsa lain di dunia, bangsa Cina juga merupakan satu bangsa besar yang memiliki himpunan bahasa berkias yang banyak. Namun, tidak ramai di antara kita yang menyedari dan mengetahui kandungan bahasa tersirat dalam masyarakat ini, (Saidatul Nornis Haji Mahali, 2001).

Justeru, menurut Ramli Salleh (1995), perbandingan antara dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa bukan sahaja akan menunjukkan persamaan antara bahasa-bahasa yang berbeza pada lahiriahnya, tetapi juga menunjukkan perbezaannya. Dengan membandingkan dua bahasa atau lebih daripada dua bahasa, ciri setiap bahasa dapat diketengahkan dan ciri-ciri ini akan dapat difahami dengan lebih baik lagi apabila dibandingkan dengan bahasa lain. Pada masa yang sama, analisis terhadap faktor-faktor tersebut akan menghasilkan pandangan baharu dan kemungkinannya akan menimbulkan minat yang lebih besar untuk penyelidikan seterusnya (Ramli Salleh, 1995). Malah, hal mengkaji ciri-ciri khas peribahasa bangsa yang lain bukan sahaja dapat membandingkan perbezaan dan persamaannya, bahkan akan membawa manfaat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan penterjemahan dalam bahasa yang berbeza, serta berguna dalam penyusunan kamus dwibahasa (Sun, 1989).

Lanjutan daripada masalah-masalah di atas, ternyata sesetengahnya memerlukan penyelesaian. Kajian ini akan cuba menerokai sesetengah daripada masalah tentang struktur sintaksis jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina dan seterusnya mengenal pasti status linguistiknya dan golongannya. Selain itu, persamaan dan perbezaan struktur sintaksis antara jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina dikaji dan dibincangkan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti (2a-d) yang di bawah:

- (2) (a) menganalisis struktur sintaksis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina;
- (b) mencari persamaan dan perbezaan struktur sintaksis jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina;
- (c) mengklasifikasikan jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina ke dalam kategori tertentu berdasarkan struktur sintaksis masing-masing;
- (d) mengenal pasti status linguistik jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina.

1.3 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif dalam 1.2, kajian dibantu oleh persoalan-persoalan kajian seperti (3a-d):

- (3) (a) Apakah perbezaan dan persamaan struktur sintaksis antara jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina?
- (b) Apakah kata kunci pengenalan dalam penggolongan jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina berdasarkan struktur sintaksis?
- (c) Apakah status linguistik bagi jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina yang dikaji?
- (d) Dapatkah teori Kuasaan dan Tambatan digunakan untuk menganalisis struktur sintaksis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina?

1.4 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini mungkin dapat memberi manfaat kepada para pendidik dan para pengkaji bahasa. Secara khususnya, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat seperti 4(a-e):

- (4) (a) memberi garis panduan tentang pengelasan jenis-jenis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina dari segi struktur sintaksis;
- (b) dijadikan bahan rujukan para penggubal kurikulum, para guru bahasa serta para penulis buku teks dan bahan-bahan yang berkaitan dengan aspek peribahasa Melayu dan peribahasa Cina;
- (c) dijadikan bahan rujukan para pencipta peribahasa baru untuk menerbitkan bentuk-bentuk kiasan baru yang sesuai dengan perkembangan bahasa dan perkembangan zaman;
- (d) menambahkan hasil kajian dalam bidang perbandingan bahasa khususnya perbandingan peribahasa;
- (e) melihat kesesuaian teori-teori bahasa yang disarankan oleh sarjana-sarjana bahasa terhadap penganalisisan struktur sintaksis peribahasa dan menyarankan pindaan jika berkaitan.

1.5 Kerangka Teori

Kajian yang menganalisis struktur sintaksis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina ini akan menggunakan timbunan teori yang telah dipelopori oleh beberapa ahli bahasa seperti (5a-e) yang berikut:

- (5) (a) Teori Kuasaan dan Tambatan oleh Chomsky (1981) tentang struktur-D dan struktur-L;
- (b) Model X-berpalang oleh Radford (1997) tentang representasi sintaksis X-berpalang;
- (c) Analisis Komponen Makna oleh Katz dan Fodor (1963), dan Katz (1973) tentang fitur semantik dan fitur sintaksis dalam analisis bahasa kiasan;
- (d) Pengelasan perhubungan semantik dalam konfigurasi sekunder oleh Nida (1975) tentang perhubungan koordinat, perhubungan subordinat dan perhubungan logik;
- (e) Makna kiasan dan penjenisan kiasan oleh Za`ba (1965);


Teori-teori dan idea-idea tersebut dikemukakan dalam 1.5.1 hingga 1.5.5.

1.5.1 Teori Kuasaan dan Tambatan

Kajian ini memanfaatkan sesetengah idea yang dikemukakan oleh Chomsky (1981) dalam Teori Kuasaan dan Tambatan. Pada hakikatnya, Teori Kuasaan dan Tambatan (KT) merupakan lanjutan daripada Teori Transformasi Generatif sebelumnya, terutama sekali karya-karya yang tertulis di dalam kerangka Teori Standard Tambahan (*Extended Standard Theory, EST*).

Mengikut Chomsky (1981), teori ini mengandaikan bahawa tatabahasa inti terbina daripada subsistem rumus-rumus dan subsistem prinsip-prinsip, dan subsistem rumus-rumus itu terdiri daripada subkomponen-subkomponen seperti leksikon, komponen kategori, komponen transformasi, komponen fonetik dan komponen

logikal, manakala subsistem prinsip-prinsip atau modul-modul terdiri daripada Teori X-berpalang, Teori Tambatan, Teori Kasus dan sebagainya. Komponen-komponen dan modul-modul tersebut saling berinteraksi antara satu sama lain. Model Teori KT dapat digambarkan dalam rajah seperti (6):



Interaksi antara komponen-komponen dan modul-modul itu adalah seperti dalam (7a-c):

(7) (a) Gabungan antara kedua-dua komponen leksikon dan komponen kategori melalui Teori X-berpalang, dan dengan pengisian komponen kategori oleh komponen leksikon melalui rumus penyisipan akan membentuk struktur-D. Pembentukan struktur-D juga dikawal oleh Prinsip

Projeksi serta Teori Teta. Teori Teta ialah teori yang melibatkan penentuan peranan (sama ada sebagai agen atau *patient*) sesuatu kata nama pada komponen-Logik. Sesuatu kata nama yang diberi peranan merupakan *argument*. Biasanya, kata kerja menandakan atau menentukan *argument*.

- (b) Pemetaan struktur-D kepada struktur-L (masih pada peringkat abstraknya) dilakukan oleh transformasi Gerak- α . Transformasi Gerak- α merupakan pemindahan konstituen dari satu kedudukan ke kedudukan yang lain dalam sesuatu struktur. Pemindahan tersebut meninggalkan bekas atau tikas (t). Contoh transformasi Gerak- α adalah seperti pemindahan frasa nama, pemindahan Subjek-Kata Kerja Bantu, pemindahan kata tanya-*wh* dan pemindahan kuantifier. Representasi struktur-L juga dikawal oleh Teori Tambatan, Teori Ikatan, Teori Kuasaan, Teori Kasus, dan Prinsip Kategori Kosong. Dalam Teori Tambatan dan Teori Ikatan, sesuatu konstituen yang dipindahkan dari kedudukan asalnya meninggalkan tikas (t) yang harus ditambatkan dengan konstituen yang dipindahkan itu. Juga untuk tujuan interpretasi semantik, hubungan anafora, pronominal, angkubah dan sebagainya mestilah diikat dengan kata antesedennya. Teori Kuasaan pula menerangkan hubungan di antara satu elemen dengan frasa nama yang mengikutinya, dan infleksi dengan frasa nama subjek. Di antara kategori yang berkemungkinan menjadi penguasa ialah kata kerja, infleksi dan kata depan. Misalnya, kata kerja menguasai frasa nama dan memberinya fitur objektif; infleksi (kala) menguasai frasa nama dan memberinya fitur nominatif; kata depan menguasai frasa nama dan memberinya fitur objektif. Seterusnya, Teori Kasus berkait rapat dengan

Teori Kuasaan. Teori Kasus digunakan untuk menerangkan mengapa sesuatu ayat itu gramatis atau tidak gramatis dengan rumus pemberian kasus. Di antaranya adalah seperti: kata kerja menguasai kata namaan yang mengikutinya, lantas memberinya kasus objektif (akusatif); kata depan menguasai kata namaan yang mengikutinya, lantas memberinya kasus akusatif; kala menguasai frasa nama subjek dan memberinya kasus nominatif (subjektif). Selanjutnya, dalam Prinsip Kategori Kosong terdapat tiga jenis kategori kosong, iaitu PRO (sekiranya ia tidak dikuasai oleh satu elemen lain); tika (sekiranya ia dikuasai oleh satu elemen lain); dan angkuh (sekiranya ia ditandakan kasusnya).

- (c) Representasi struktur luaran (struktur-L) diubah kepada representasi bentuk fonetik (BF) melalui rumus-rumus pergerakan, rumus-rumus penyusunan semula, rumus-rumus pengguguran, rumus-rumus penyisipan dan rumus-rumus stilistik, dan ke dalam representasi bentuk logik (BL) melalui rumus-rumus pergerakan kata kuantifier dan kata Wh.

Teori KT digunakan dalam kajian ini kerana ia adalah antara model yang digunakan oleh kebanyakan pengkaji di dalam menganalisis sintaksis ayat. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memanfaatkan beberapa aspek daripada komponen-komponen dan modul-modul di dalam model KT yang berkenaan dengan kajian ini, khususnya Teori Kuasaan, Teori Kasus, Prinsip Kategori Kosong dan transformasi (Gerak α). Gerak α menentukan kelainan struktur yang berlaku antara struktur-D dan struktur-L.

1.5.2 Model X-Berpalang

Dalam kajian ini, struktur sintaksis peribahasa Melayu dan peribahasa Cina akan dibincangkan berdasarkan representasi sintaksis X-berpalang sebagaimana yang terdapat dalam Radford (1997).


Pada hakikatnya, Teori X-berpalang mula-mula diperkenalkan oleh Chomsky (1965) dan kemudian dikembangkan oleh Jackendoff (1977) untuk menerangkan tatabahasa bahasa Inggeris. Seterusnya, Chomsky (1981, 1986) mengubahsuaikan Teori X-berpalang itu supaya sesuai digunakan dalam kerangka Teori Kuasaan dan Tambatan (KT).

Dengan adanya Teori X-berpalang, rumus struktur frasa dalam bentuk Teori Standard Tambahan (EST) digugurkan. Ini disebabkan sesungguhnya tidak ada batasan tentang rumus yang boleh dijadikan struktur frasa. Sebaliknya, sintaksis X-berpalang terbina dalam bentuk endosentrik, iaitu mempunyai kepala dan penerangnya. Dengan cara ini, struktur frasa akan lebih terhad.

Menurut teori ini, frasa dibentuk dengan operasi cantuman (*merger operation*) secara binari, iaitu konstituen-konstituen digabungkan ke dalam struktur yang lebih besar dengan unjuran. Ini bermakna, setiap frasa (frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi) mempunyai satu unsur wajib, iaitu **kepala** (*head*) dan unsur-unsur pilihan seperti **spesifier** (*specifier*), **pelengkap** (*complement*), **penerang** (*attribute*) dan **adjung** (*adjunct*) dan unsur-unsur lain yang merupakan unjuran kata kepala. Kedudukan unsur-unsur pilihan ini boleh **pra-** atau **pasca-kepala**; misalnya, *seorang* anak (pra-kepala) dan anak *itu* (pasca-kepala), yang

mana 'anak' merupakan kata kepala, dan 'seorang' dan 'itu' merupakan unsur-unsur pilihan.

Dengan kata lain, semua frasa memiliki struktur skema (kalau diketepikan unsur-unsur pilihan yang lain seperti penerang dan adjung) seperti yang diperlihatkan dalam (8) di bawah:



Lambang X di sini merupakan pemboleh ubah kategori (*category variable*) yang mewakili mana-mana kategori aras kata seperti N(ama), K(erja), A(djektif), Adv(erba) dan sebagainya. Lantaran itu, X merupakan kepala dan menentukan jenis frasa yang terhasil. Spesifier dan pelengkap bukan merupakan istilah kategori, tetapi sebaliknya mewakili fungsi tatabahasa atau hubungan tatabahasa. Kurungan pada spesifier dan pelengkap menunjukkan kedua-dua unsur ini merupakan konstituen pilihan sesuatu frasa. Justeru, dengan menggunakan pemboleh ubah kategori untuk menggantikan rumus kategori khusus yang tradisi, maka terdapat seperangkat (*set*) skema rumus yang neutral kategori yang dibentuk sepenuhnya berdasarkan pemboleh ubah kategori itu seperti yang disimpulkan dalam (9) di bawah:

- (9)
- (i) $X'' \rightarrow (FY) X'$ (Rumus Spesifier Umum)
 - (ii) $X' \rightarrow FY X'$ (Rumus Atribut Umum)
 - (iii) $X' \rightarrow X' FY$ (Rumus Adjung Umum)
 - (iv) $X' \rightarrow X FY^*$ (Rumus Pelengkap Umum)

Lantaran itu, komponen kategori sekarang megandungi seperangkat skema rumus neutral kategori yang sangat umum dan sangat terhad bersama-sama seperangkat


kekangan rumus yang neutral kategori.¹⁰ Ini bermakna dalam skema (9), mewakili apa juga kategori aras kata, dan pemboleh ubah kategori X' dan X'' masing-masing menandakan kategori palang satu dan palang dua yang setanding. Sementara itu, Y di sini boleh sama ada memiliki nilai kategori yang sama seperti X atau nilai yang berbeza daripada X, dan FY menandakan mana-mana jenis konstituen palang dua. Pemboleh ubah kategori FY* pula bermaksud mana-mana bilangan frasa daripada mana-mana jenis (tidak semestinya semua daripada jenis yang sama).

Namun, terdapat variasi parameter antara bahasa berkenaan yang meletakkan kepalanya sebagai konstituen pertama atau terakhir bagi konstituen X palang kecil yang merangkumnya. Oleh itu skema rumus (9) mempunyai rumus kebalikannya (10-13) seperti di bawah:

- (10) (i) $X'' \rightarrow (FY) X'$ (Rumus Spesifier mula)
(ii) $X'' \rightarrow X'(FY)$ (Rumus Spesifier akhir)
(X' sebagai pemboleh ubah kategori palang satu , FY sebagai specifier)
- (11) (i) $X' \rightarrow FY X'$ (Rumus Atribut mula)
(ii) $X' \rightarrow X' FY$ (Rumus Atribut akhir)
(X' sebagai pemboleh ubah kategori palang satu, FY sebagai atribut)
- (12) (i) $X' \rightarrow X' FY$ (Rumus Adjung akhir)
(ii) $X' \rightarrow FY X'$ (Rumus Adjung mula)
(X' sebagai pemboleh ubah kategori palang satu, FY sebagai adjung)
- (13) (i) $X' \rightarrow X FY^*$ (Rumus Pelengkap Kepala mula)
(ii) $X' \rightarrow FY^* X$ (Rumus Pelengkap Kepala akhir)
(X sebagai kepala, FY sebagai pelengkap)

Hasil daripada skema rumus (10-13), maka struktur skema (8) perlu ada variasi seperti dalam (8'):


(8')



Sebagai contohnya, bahasa Melayu dan bahasa Cina mempunyai sifat sama dengan bahasa Inggeris dalam rumus spesifier kepala akhir dan rumus komplemen kepala awal, tetapi bagi struktur adjung, bahasa Cina menggunakan rumus adjung kepala akhir yang berbeza daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hal yang demikian dijelaskan oleh Huang (1992), “... *in terms of X theory Chinese employs a head-final specifier rule and a head-initial complement rule (exactly as in English), and a head-final adjunct rule (like Japanese, but unlike English) ...*”.

Begitu juga sesuatu ayat dibentuk dengan operasi cantuman binari dan menjadi struktur yang lebih besar dengan unjuran kata kepala tertentu. Sesuatu ayat mempunyai kepalanya dalam konstruksi endosentrik juga. Dicadangkan oleh Chomsky (1981) bahawa unsur infleksi (ditulis sebagai I, ± kala) berfungsi sebagai kepala konstruksi sesuatu ayat. Unsur infleksi yang menghubungkan frasa spesifier (frasa nama, FN) dengan frasa kerja (FK) sebagaimana yang ditunjukkan dalam bentuk (14):

(14)



FI	= Frasa infleksi
I'	= Infleksi berpalang
I	= Infleksi
FN	= Frasa nama
FK	= Frasa kerja

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam (14) di atas, unsur infleksi (I) menjadi FI dengan gabungan frasa spesifik (FN). Seterusnya, FI itu bercantum dengan kata komplemen untuk membentuk frasa komplemen.

Kajian ini memanfaatkan Model X-berpalang yang diubahsuaikan supaya sesuai digunakan untuk representasi sintaksis X-berpalang dalam rajah pohon bagi peribahasa Melayu dan peribahasa Cina.

1.5.3 Analisis Komponen Makna

Kajian ini juga memanfaatkan analisis komponen makna yang dikemukakan oleh Katz dan Fodor (1963). Katz dan Fodor telah membuat usaha pertama untuk menjadikan semantik sebagai sebahagian daripada huraian tatabahasa dalam teori transformasi generatif. Menurut Lyons (1981, terjemahan Zahrah Abd. Ghafur, 1994), teori Katz-Fodor telah diformalisasi dalam rangka kerja nahu generatif Chomsky (1957). Menurutnya juga, teori itu boleh dilihat sebagai percubaan linguistik yang pertama serta canggih untuk memberi kesan terhadap prinsip komposisionaliti.

Bagi Katz dan Fodor (1963), makna bagi sesuatu kata dapat dianggap sebagai timbunan fitur-fitur atau komponen makna yang dimiliki oleh perkataan itu. Oleh itu, Katz dan Fodor telah menggunakan konsep penanda nahu (*grammatical marker*), penanda-penanda makna (*semantic marker*) dan pembeza makna (*semantic*

